

Pembentukan Keupayaan Individu dalam Kalangan Usahawan Wanita Industri Kecil

Individual Capacity Building Among Women Entrepreneurs in Small Industry

MA'ROF REDZUAN, ABD. RAZAK ABD. RAHMAN & NURFAZREEN AINA MUHAMAD NASHARUDIN

ABSTRAK

Tahap pembentukan keupayaan individu merupakan aspek penting untuk melahirkan usahawan wanita yang berdaya upaya. Maka, pembentukan keupayaan memainkan peranan penting untuk melahirkan usahawan wanita yang lebih berjaya dalam perniagaan. Justeru, latar belakang pengusaha dapat mempengaruhi proses pembentukan keupayaan para peniaga. Dengan demikian, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti hubungan antara latar belakang pengusaha dengan tahap pembentukan keupayaan individu dalam kalangan usahawan wanita industri kecil di Selatan Semenanjung Malaysia. Kajian melibatkan 200 orang responden dalam kalangan peniaga wanita di negeri Melaka dan Johor. Kajian dijalankan dengan menggunakan borang soal selidik. Data yang dikumpul dianalisis menggunakan kaedah perisian Statistical Package for the Social Science, (SPSS v. 16). Dapatkan kajian mendapati majoriti usahawan wanita mempunyai tahap pembentukan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang tinggi iaitu seramai 126 orang (63.0%). Namun, majoriti mereka memperoleh tahap pembentukan rangkaian perniagaan dan akses sumber yang sederhana iaitu seramai 110 orang (55.0%). Dapatkan kajian juga menunjukkan majoriti usahawan wanita mempunyai tahap pembentukan kepimpinan yang tinggi iaitu seramai 106 orang (53.0%). Hasil analisis ujian Chi-Square mendapati latar belakang pengusaha mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap pembentukan keupayaan individu. Implikasi kajian mendapati perkaitan yang penting antara latar belakang pengusaha dengan tahap pembentukan keupayaan individu mendorong kepada individu yang lebih berdaya upaya dalam perniagaan.

Kata kunci: latar belakang pengusaha, pembentukan keupayaan, tahap pembentukan keupayaan individu, keusahawanan wanita, usahawan wanita industri kecil

ABSTRACT

Individual capacity building is the most important aspect to generate women entrepreneurs empowerment. Capacity building play an important role to produce more successful entrepreneurs. Hence, businesswomen backgrounds are able to influence process of capacity building among entrepreneurs. This research was implemented to identify relationship between businesswomen backgrounds and the level of individual capacity building among small industry women entrepreneurs in Malaysian South Peninsular. Research respondents involved 200 of women entrepreneurs in Johore and Malacca. Research was done by questionnaire. The data were analyzed by Statistical Package for the Social Science (SPSS v. 16). Research found that majority of women entrepreneurs (63.0%) have high level of knowledge, skills and experiences. However, majority of women entrepreneurs (55.0%) have moderate level of business networking and resources. Finally, research found that majority of women entrepreneurs (53.0%) have high level of leadership. Chi-Square (χ^2) analysis showed that background of businesswomen have significant relationship with the level of individual capacity building. Implication of the study found there was an important relationship between businesswomen background and the level of individual capacity building that be able to encourage entrepreneurs to be more empowered in business.

Keywords: businesswomen background, capacity building, level of individual capacity building, women entrepreneurship, small business women entrepreneurs

PENDAHULUAN

Pembentukan keupayaan dikategorikan sebagai pendekatan dalam pembangunan komuniti yang dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran individu untuk menggunakan kapasiti atau keupayaan sendiri dan membolehkan individu memperoleh sistem sokongan dalam pelbagai bentuk pembangunan (Schuftan 1996;

Jan T. L. Yap 2009). Pembentukan keupayaan merupakan satu proses yang boleh meningkatkan kemampuan seseorang individu, kumpulan, organisasi atau sistem untuk mencapai matlamat (Brown, LaFond & Macintyre 2001; Hutchison & Lord 2003). Pembentukan keupayaan adalah sebagai satu konsep yang berkait rapat dengan pendidikan, latihan dan pembangunan sumber manusia (Enemark & Williamson 2003).

Keusahawanan dikenal pasti sebagai satu bahan penting dalam pembangunan ekonomi sesebuah negara (Narayan & Geethakutty 2003). Keusahawanan merupakan salah satu pilihan kerjaya bagi kebanyakan wanita kerana ia dapat menyediakan keseimbangan dan fleksibiliti yang tidak terdapat pada kebanyakan kerjaya lain (DeMartino & Barbato 2003). Usahawan wanita adalah mereka yang membentuk kerja baru untuk diri sendiri dan menyediakan masyarakat dengan pelbagai pengurusan penyelesaian, organisasi dan masalah perniagaan serta eksplorasi peluang keusahawanan (OECD 2004). Usahawan wanita didefinisikan sebagai wanita yang menjalankan perniagaan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) (Shalini Sinha 2009). Pembangunan usahawan wanita di kebanyakan negara membangun Asia mempunyai potensi besar dalam membentuk wanita yang berdaya upaya (Tulus Tambunan 2009).

Keseluruhannya, pembentukan keupayaan individu merupakan proses yang dapat meningkatkan keupayaan individu dalam kehidupan sehari-hari. Malah, pembentukan keupayaan individu mementingkan sokongan dan dorongan terhadap individu untuk memperoleh kemahiran, kemampuan dan pembangunan diri yang lebih sejahtera (Gyapong & Ofori Adjei 2010). Dengan demikian, keusahawanan juga merupakan bidang perniagaan yang dapat menghasilkan pembentukan keupayaan individu terhadap para peniaga. Maka, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti hubungan antara latar belakang pengusaha dengan tahap pembentukan keupayaan individu dalam kalangan usahawan wanita industri kecil di Selatan Semenanjung Malaysia. Kajian ini dijalankan supaya orang ramai dapat mengetahui faktor-faktor latar belakang usahawan yang dapat mempengaruhi tahap pembentukan keupayaan individu dalam kalangan peniaga wanita.

TINJAUAN LITERATUR

PEMBENTUKAN KEUPAYAAN


Pembentukan keupayaan adalah proses pembentukan kemahiran teknikal individu, pengukuhan operasi dalaman atau pembentukan institusi bagi seseorang individu (Persaud-Kong 2005). Pembentukan keupayaan meliputi proses untuk mengukuhkan keupayaan individu, kumpulan dan komuniti (Simister & Smith 2010; Macintyre, LaFond & Brown 2001). Proses tersebut termasuk kepimpinan, membentuk jaringan atau hubungan, menggalakkan inisiatif, latihan dan mengakses sumber (Woodland & Hind 2002; Williamson, Rajabifard & Enemark 2003). Selain itu, pembentukan keupayaan meliputi pengetahuan, kemahiran dan tingkah laku individu atau sekumpulan manusia dalam membangunkan dan menguruskan

institusi atau organisasi dengan sebaiknya (Grooth & Van der Molen 2000). Pembentukan keupayaan merupakan proses dimana individu, kumpulan, organisasi, institusi atau masyarakat meningkatkan kemampuan dan kredibiliti bagi menyelesaikan masalah, mencapai matlamat dan berurus dengan keperluan pembangunannya dalam konteks berkaitan dan menjayakan pembangunan lestari (UNESCO, 2006). Keseluruhannya, pembentukan keupayaan perlu dilihat dalam konteks yang meluas iaitu meliputi proses atau hasilnya yang mendorong kepada sesuatu pencapaian (Enemark 2003).

Menurut *WED Capacity Building Guide (2006)*, model pembangunan keusahawanan wanita memerlukan elemen motivasi dan penentuan, kemampuan dan kemahiran, idea dan pasaran serta sumber sebagai proses pembentukan keupayaan individu dalam kalangan usahawan wanita. Dalam kajian ini, elemen motivasi, penentuan (kepimpinan), kemampuan (kemahiran, pengetahuan dan pengalaman), idea dan pasaran (rangkaian perniagaan) dan sumber (akses sumber) boleh dijadikan sebagai faktor pembentukan keupayaan individu dalam kalangan usahawan wanita di Malaysia. Model pembentukan keupayaan untuk usahawan wanita adalah seperti ditunjukkan dalam Rajah 1.

USAHAWAN WANITA

Usahawan didefinisikan sebagai individu atau kumpulan individu yang aktif membentuk atau menerajui perniagaan sendiri serta mengembangkannya (UiTM Entrepreneurship Study Group 2005). Andersson (2003) pula menyatakan bahawa usahawan adalah individu yang menguruskan pertumbuhan perniagaan. Pernyataan ini turut disokong oleh pendapat lain iaitu usahawan adalah penglibatan seorang individu yang perlu merancang, menerajui dan mengurus sebuah perniagaan atau perusahaan (Norita Deraman et al. 2007; Khairuddin 1996). Menurut Andrea E. Smith-Hunter (2006), usahawan wanita ialah individu wanita yang menjalankan satu perniagaan kecil yang dimiliki oleh seseorang individu itu dalam menubuh dan menguruskan perniagaan berdasarkan prinsip dan matlamat individu itu. Aktiviti keusahawanan wanita dapat meningkatkan kemahiran dan keupayaan wanita di peringkat dunia (Markovic 2007). Menurut Wendy, Ming-Yen dan Teoh (2008), faktor yang mendorong pembangunan usahawan wanita ialah modal, jaringan, pembelajaran, latihan serta kaunseling dan penggunaan teknologi maklumat. Selain itu, usahawan wanita yang ingin berjaya dalam arena perniagaan perlu menjadi pemimpin dan pengurus yang baik (Kuppusamy, Ganesan & Rosada 2010).



Sumber: WED Capacity Building Guide, 2006

RAJAH 1. Model Pembentukan Keupayaan Usahawan Wanita

HUBUNGAN LATAR BELAKANG PENGUSAHA DENGAN TAHAP PEMBENTUKAN KEUPAYAAN INDIVIDU USAHAWAN WANITA

Status pendidikan tertinggi didapati menyumbang kepada aktiviti keusahawanan yang dilaksanakan oleh seseorang individu (Cassar 2006). Malah, terdapat juga kajian yang menunjukkan pengalaman dalam perniagaan mempengaruhi pertumbuhan perniagaan (Harrison & Mason 2007; Gundry & Welsch 2001). Kajian turut menunjukkan pengalaman dalam bidang perniagaan mempunyai hubungan yang signifikan dengan motivasi usahawan dalam menjalankan perniagaan (Harrison & Mason 2007). Ini bermakna pengalaman dalam perniagaan dapat mempengaruhi proses pembentukan keupayaan individu kerana pengalaman dalam perniagaan dapat meningkatkan pertumbuhan perniagaan.

Tahun pengalaman dalam industri perniagaan atau tahun menuju perniagaan mempunyai perkaitan dengan kadar pertumbuhan perniagaan (Gundry & Welsch 2001). Malah, kajian oleh Gundry & Welsch (2001) menunjukkan usahawan dalam kategori industri pertumbuhan tinggi (*High-Growth Entrepreneur*) tidak mempunyai banyak pengalaman dalam tempoh mereka menuju perniagaan berbanding usahawan dalam kategori industri pertumbuhan rendah (*Low-Growth Entrepreneur*). Dengan demikian, kajian menunjukkan tahun penubuhan perniagaan menyumbang kepada prestasi keusahawanan kecil (Wiklund & Shepherd 2005).

Seterusnya, kajian oleh Olson et al. (2003) menunjukkan latar belakang pengusaha dan latar belakang perniagaan mempengaruhi pertumbuhan dan kejayaan sebuah perniagaan. Ini menjelaskan bahawa bidang perniagaan dapat mempengaruhi proses pembentukan keupayaan dalam diri seseorang usahawan. Kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara rangkaian perniagaan dengan penglibatan wanita dalam perniagaan (Ahmad & Naimat 2010). Selain itu, kepimpinan pengurus perniagaan terhadap para

pekerja didapati turut mempengaruhi pertumbuhan perniagaan (Gundry & Welsch 2001). Ini menunjukkan gaya kepimpinan usahawan mempengaruhi tahap pembentukan keupayaan individu dalam diri mereka kerana cara kepimpinan yang baik dapat meningkatkan dan mempercepatkan pertumbuhan perniagaan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian melibatkan 200 orang responden usahawan wanita yang menjalankan perniagaan di Selatan Semenanjung Malaysia iaitu di negeri Johor dan Melaka. Kaedah persampelan yang digunakan adalah persampelan rawak mudah. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan reka bentuk survei. Pengumpulan data dijalankan selama dua bulan iaitu pada Januari 2010 dan Februari 2010 dengan menggunakan borang soal selidik. Kajian rintis menunjukkan hasil kebolehpercayaan yang tinggi. Nilai *alpha Cronbach* yang diperoleh ialah seperti Rajah 2.

| Indikator | Alpha Cronbach |
|--|----------------|
| Pembentukan keupayaan individu | |
| 1. Pembentukan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman | 0.946 |
| 2. Pembentukan rangkaian perniagaan dan akses sumber | 0.812 |
| 3. Pembentukan kepimpinan | 0.936 |

RAJAH 2. Ujian Kebolehpercayaan

Data yang telah dikumpul dianalisis dengan menggunakan kaedah perisian *Statistical Package for the Social Science*, (SPSS v. 16). Bagi menerangkan data secara deskriptif, tahap pembentukan keupayaan individu dikompositkan bagi mengenal pasti skor yang diperoleh. Kemudian, kaedah *Chi-Square* (χ^2) digunakan bagi mengenal pasti hubungan antara latar belakang pengusaha dengan tahap pembentukan keupayaan individu.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Jadual 1 menunjukkan tahap pembentukan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman responden adalah tinggi iaitu seramai 126 (63.0%) orang. Tahap pembentukan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang tinggi menunjukkan tahap pembentukan keupayaan individu yang tinggi dalam diri setiap responden tersebut. Namun, terdapat juga seramai 74 (37.0%) orang responden yang mempunyai tahap pengetahuan, kemahiran serta pengalaman yang sederhana sahaja. Menurut pandangan Kourilsky (1995), usahawan perlu mengakses pengetahuan, kemahiran dan pengalaman bagi memaksimumkan kebarangkalian untuk berjaya. Oleh itu, tahap pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang tinggi membolehkan responden untuk berjaya dalam bidang perniagaan. Keseluruhannya, tahap pembentukan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang tinggi di kalangan majoriti responden dapat meningkatkan tahap pembentukan keupayaan individu terhadap setiap usahawan wanita tersebut.

JADUAL 1. Tahap Pembentukan Keupayaan Individu

| Tahap pembentukan keupayaan individu | Tinggi | Sederhana |
|---|-------------|-------------|
| Pembentukan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman | 126 (63.0%) | 74 (37.0%) |
| Pembentukan rangkaian perniagaan dan akses sumber | 90 (45.0%) | 110 (55.0%) |
| Pembentukan kepimpinan | 106 (53.0%) | 94 (47.0%) |

Hasil kajian menunjukkan tahap pembentukan rangkaian perniagaan dan akses sumber bagi usahawan wanita. Tahap pembentukan rangkaian perniagaan dan akses sumber bagi kebanyakan usahawan wanita adalah sederhana iaitu seramai 110 (55.0%) orang. Tahap pembentukan rangkaian perniagaan dan akses sumber yang sederhana menunjukkan majoriti responden masih kurang membuat jaringan dan hubungan dengan pelbagai pihak untuk memajukan perniagaan mereka. Jaringan perniagaan boleh dilihat sebagai satu mekanisme sokongan dan aspek baru untuk keusahawanan (Nijkamp 2000). Ini bermaksud rangkaian perniagaan merupakan aspek baru yang mampu meningkatkan aktiviti keusahawanan. Tahap pembentukan rangkaian perniagaan yang tinggi dapat membantu usahawan wanita untuk membentuk perniagaan yang lebih kreatif pada masa kini. Selain itu, tahap rangkaian perniagaan dan akses sumber yang tinggi ini dapat membentuk keupayaan individu yang tinggi dalam diri usahawan. Ini kerana tahap rangkaian perniagaan dan akses sumber yang tinggi menunjukkan mereka banyak berkomunikasi dan banyak meluaskan empayar perniagaan untuk lebih maju di masa akan datang. Keseluruhannya, tahap pembentukan rangkaian perniagaan dan akses sumber yang dilakukan oleh

kebanyakan usahawan wanita adalah sederhana. Oleh itu, mereka perlu meningkatkan dan memperbaiki tahap rangkaian atau jaringan perniagaan serta kemampuan untuk mengakses sumber yang lebih baik.

Hasil kajian menunjukkan tahap kepimpinan responden kebanyakannya di tahap yang tinggi iaitu seramai 106 (53.0%) orang. Ini bermakna tahap kepimpinan usahawan wanita baik. Keusahawanan dan kepimpinan di bidang pemasaran harus berpadanan dengan yang disasarkan pasaran serta dengan misi organisasi (Colbert 2003). Ini kerana kepimpinan dalam pengurusan perniagaan akan menentukan kejayaan sesebuah perniagaan tersebut. Tanpa kepimpinan yang baik, sesebuah perniagaan sukar untuk diuruskan dan menyebabkan masalah dalam perniagaan. Oleh itu, ini menunjukkan bahawa kepimpinan dalam keusahawanan merupakan faktor penting agar perniagaan yang dijalankan mencapai kejayaan. Keseluruhannya, tahap kepimpinan majoriti responden adalah tinggi. Namun, setiap usahawan wanita perlu berusaha untuk mempertingkatkan lagi tahap kepimpinan mereka di dalam perniagaan untuk lebih berjaya di masa akan datang. Selain itu, semakin tinggi tahap kepimpinan, maka semakin tinggi tahap pembentukan keupayaan individu itu. Ini menunjukkan tahap kepimpinan mendorong kepada tahap pembentukan keupayaan individu dalam kalangan usahawan wanita masa kini.

Jadual 2 menunjukkan hubungan antara latar belakang pengusaha dengan pembentukan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman dalam kalangan usahawan wanita. Hubungan antara umur dengan pembentukan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman didapati signifikan, $\chi^2 (1,200) = 53.91$, $p < 0.001$. Majoriti usahawan wanita iaitu seramai 79 orang mempunyai tahap pembentukan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang tinggi adalah mereka yang berumur 41-60 tahun. Manakala, majoriti usahawan wanita yang mempunyai tahap pembentukan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang sederhana adalah mereka yang berumur 21-40 tahun.

Hubungan antara status perkahwinan dengan pembentukan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman didapati signifikan, $\chi^2 (2,200) = 58.89$, $p < 0.001$. Majoriti usahawan wanita iaitu seramai 101 orang yang mempunyai pembentukan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang tinggi adalah mereka yang telah berkahwin. Manakala, majoriti usahawan wanita yang mempunyai tahap pembentukan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang sederhana merupakan individu yang masih bujang.

Akhir sekali, hubungan antara status pendidikan tertinggi dengan pembentukan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman adalah signifikan, $\chi^2 (3,200) = 43.34$, $p < 0.001$. Majoriti usahawan wanita iaitu 88 orang mempunyai tahap pembentukan pengetahuan yang tinggi merupakan mereka yang mempunyai pendidikan tertinggi di peringkat sekolah menengah. Namun,

JADUAL 2. Pembentukan Pengetahuan, Kemahiran dan Pengalaman

| Pembentukan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman | | |
|---|--------|-------------------------------------|
| Latar belakang Pengusaha | Tinggi | Sederhana |
| Umur | | |
| 21-40 tahun | 47 | 67 |
| 41-60 tahun | 79 | 7 |
| Signifikan | | $\chi^2 (1,200) = 53.91, p < 0.001$ |
| Status Perkahwinan | | |
| Bujang | 9 | 40 |
| Berkahwin | 101 | 24 |
| Janda | 16 | 10 |
| Signifikan | | $\chi^2 (2,200) = 58.89, p < 0.001$ |
| Status Pendidikan Tertinggi | | |
| Sekolah rendah | 14 | 13 |
| Sekolah menengah | 88 | 21 |
| Diploma | 19 | 16 |
| Ijazah/Master/PhD | 5 | 24 |
| Signifikan | | $\chi^2 (3,200) = 43.34, p < 0.001$ |

majoriti responden yang mempunyai tahap pembentukan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang sederhana adalah mereka yang mempunyai pendidikan tertinggi di peringkat Ijazah/Master/PhD. Ini kerana mereka yang berpendidikan di peringkat sekolah menengah mungkin memulakan perniagaan lebih awal iaitu setelah tamat pembelajaran di sekolah. Maka, penglibatan awal mereka dalam perniagaan mendorong kepada proses pembentukan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang lebih tinggi. Malah, majoriti responden yang mempunyai tahap pembentukan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang tinggi adalah mereka yang berumur 41-60 tahun. Ini menunjukkan mereka telah lama terlibat dalam bidang perniagaan. Oleh sebab itu, tahap pembentukan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang tinggi adalah mereka yang berpendidikan sekolah menengah.

Jadual 3 menunjukkan perkaitan antara latar belakang pengusaha dengan pembentukan rangkaian perniagaan dan akses sumber. Hubungan antara umur dan pembentukan rangkaian perniagaan dan akses sumber didapati signifikan, $\chi^2 (1,200) = 85.99, p < 0.001$. Majoriti responden iaitu seramai 71 orang didapati mempunyai tahap pembentukan rangkaian perniagaan dan akses sumber yang tinggi adalah mereka yang berumur 41-60 tahun. Ini berbeza bagi responden yang berumur 21-40 tahun dimana majoriti mereka mempunyai pembentukan rangkaian perniagaan dan akses sumber yang sederhana sahaja.

Seterusnya, hubungan antara status perkahwinan dengan pembentukan rangkaian perniagaan dan akses sumber juga didapati signifikan, $\chi^2 (2,200) = 38.64, p < 0.001$. Walau bagaimanapun, majoriti responden yang telah berkahwin iaitu seramai 89 orang mempunyai tahap rangkaian perniagaan dan akses sumber yang

sederhana. Ini kerana mereka mempunyai komitmen lain dan bertanggungjawab terhadap keluarga dan keadaan ini membataskan mereka untuk memperluaskan rangkaian perniagaan. Ini berbeza dengan responden yang masih bujang iaitu majoriti mereka mempunyai tahap rangkaian perniagaan dan akses sumber yang tinggi.

Hubungan antara status pendidikan tertinggi dengan pembentukan rangkaian perniagaan dan akses sumber adalah signifikan, $\chi^2 (3,200) = 84.53, p < 0.001$. Majoriti responden iaitu seramai 30 orang mempunyai tahap rangkaian perniagaan dan akses sumber yang tinggi adalah mereka yang mendapat pendidikan tertinggi di peringkat Diploma. Manakala, majoriti responden yang mempunyai tahap rangkaian perniagaan dan akses sumber yang sederhana adalah mereka yang berpendidikan tertinggi di peringkat sekolah menengah.

Jadual 4 menunjukkan perkaitan antara latar belakang pengusaha dengan pembentukan kepimpinan. Hubungan antara umur dengan pembentukan kepimpinan didapati signifikan iaitu $\chi^2 (1,200) = 52.92, p < 0.001$. Majoriti responden iaitu seramai 71 orang mempunyai tahap kepimpinan yang tinggi dan mereka adalah berumur 41-60 tahun. Ini berbeza dengan responden yang berumur 21-40 tahun dimana majoriti mereka iaitu seramai 79 orang mempunyai tahap kepimpinan yang sederhana sahaja. Keadaan ini berlaku kerana responden yang berumur 41-60 tahun lebih lama dalam menghadapi cabaran kehidupan maka, mereka lebih banyak pengalaman hidup. Malah, mereka juga mungkin telah lama menujuhan dan menguruskan perniagaan. Dengan demikian, tahap pembentukan kepimpinan lebih tinggi.

Hubungan antara status perkahwinan dengan pembentukan kepimpinan juga didapati signifikan, $\chi^2 (2,200) = 53.23, p < 0.001$. Majoriti responden iaitu seramai 91 orang mempunyai tahap pembentukan

JADUAL 3. Pembentukan Rangkaian Perniagaan dan Akses Sumber

| Pembentukan rangkaian perniagaan dan akses sumber | | |
|---|--------|-------------------------------------|
| Latar belakang Pengusaha | Tinggi | Sederhana |
| Umur | | |
| 21-40 tahun | 19 | 95 |
| 41-60 tahun | 71 | 15 |
| Signifikan | | $\chi^2 (1,200) = 85.99, p < 0.001$ |
| Status Perkahwinan | | |
| Bujang | 39 | 10 |
| Berkahwin | 36 | 89 |
| Janda | 15 | 11 |
| Signifikan | | $\chi^2 (2,200) = 38.64, p < 0.001$ |
| Status Pendidikan Tertinggi | | |
| Sekolah rendah | 20 | 7 |
| Sekolah menengah | 17 | 92 |
| Diploma | 30 | 5 |
| Ijazah/Master/PhD | 23 | 6 |
| Signifikan | | $\chi^2 (3,200) = 84.53, p < 0.001$ |

JADUAL 4. Pembentukan Kepimpinan

| Pembentukan kepimpinan | | |
|-----------------------------|--------|-------------------------------------|
| Latar belakang Pengusaha | Tinggi | Sederhana |
| Umur | | |
| 21-40 tahun | 35 | 79 |
| 41-60 tahun | 71 | 15 |
| Signifikan | | $\chi^2 (1,200) = 52.92, p < 0.001$ |
| Status Perkahwinan | | |
| Bujang | 8 | 41 |
| Berkahwin | 91 | 34 |
| Janda | 7 | 19 |
| Signifikan | | $\chi^2 (2,200) = 53.23, p < 0.001$ |
| Status Pendidikan Tertinggi | | |
| Sekolah rendah | 6 | 21 |
| Sekolah menengah | 86 | 23 |
| Diploma | 6 | 29 |
| Ijazah/Master/PhD | 8 | 21 |
| Signifikan | | $\chi^2 (3,200) = 65.20, p < 0.001$ |

kepimpinan yang tinggi adalah mereka yang telah berkahwin. Manakala, majoriti responden iaitu seramai 41 orang mempunyai tahap pembentukan kepimpinan sederhana adalah mereka yang masih bujang. Keadaan ini mungkin kerana responden yang telah berkahwin mempunyai tanggungjawab menguruskan dan memimpin ahli keluarga. Malah, dalam masa yang sama mereka turut menguruskan perniagaan. Oleh yang demikian, mereka lebih mempunyai tahap pembentukan kepimpinan yang tinggi.

Akhir sekali, Jadual 4 menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara status pendidikan tertinggi dengan pembentukan kepimpinan, $\chi^2 (3,200)$

= 65.20, $p < 0.001$. Majoriti responden iaitu seramai 86 orang mempunyai tahap pembentukan kepimpinan yang tinggi adalah mereka yang berpendidikan di peringkat sekolah menengah. Ini berbeza dengan responden yang memperoleh pendidikan di peringkat Diploma di mana majoriti mereka mempunyai tahap pembentukan kepimpinan yang sederhana sahaja. Keadaan ini berlaku kerana mereka yang memperoleh pendidikan tertinggi di peringkat sekolah menengah mungkin lebih awal membuka perniagaan. Ini menunjukkan mereka telah lama menguruskan perniagaan. Maka, tahap pembentukan kepimpinan adalah lebih tinggi.

KESIMPULAN

Kajian menunjukkan terdapat hubungan yang penting antara latar belakang seseorang usahawan dengan tahap pembentukan keupayaan individu. Ini menunjukkan latar belakang mempengaruhi proses pembentukan keupayaan individu dalam kalangan usahawan wanita. Justeru itu, tahap pembentukan keupayaan individu dalam kalangan usahawan wanita masih perlu dipertingkatkan agar mereka lebih berjaya ke peringkat tertinggi. Selain itu, usahawan wanita merupakan individu yang dapat mendorong wanita lain untuk lebih berjaya di dalam kehidupan (Bell & Linda 2005). Oleh yang demikian, proses pembentukan keupayaan individu dalam kalangan usahawan wanita adalah penting untuk melahirkan komuniti usahawan wanita yang berjaya dalam perniagaan.

RUJUKAN

- Andersson, S. 2003. High-growth firms in the swedish erp industry. *Journal of Small Business and Enterprise Development* 10(2): 180-193.
- Andrea E. Smith-Hunter. 2006. *Women Entrepreneurs Across Racial Lines*. United Kingdom: Edward Elgar Publishing Limited.
- Bell & Linda A. 2005. *Women-Led Firms and the Gender Gap in Top Executive Jobs*. IZA Discussion Paper. No. 1689, Bonn.
- Brown, L., LaFond, A. & Macintyre, K. 2001. *Measuring Capacity Building*. Report by MEASURE Evaluation. Chapel Hill: University of North Carolina.
- Cassar, G. 2006 . Entrepreneur opportunity costs and intended venture growth. *Journal of Business Venturing* 21: 610-632.
- Colbert, F. (2003). Entrepreneurship and leadership in marketing the arts. *International Journal of Arts Management* 6(1): 30-39.
- DeMartino, R. & Barbato, R. 2003. Differences between women and men MBA entrepreneurs: exploring family flexibility and wealth creation as career motivators. *Journal of Business Venturing* 18: 815-832.
- Enemark, S. & Williamson, I. 2003. Capacity Building in Land Administration:A Conceptual Approach. Paper presented at FIG Working Week. Paris. (12-17 April).
- Enemark, S. 2003. Understanding the Concept of Capacity Building and the Nature of Land Administration Systems. Paper presented at FIG Working Week. Paris, France: April 13-17.
- Groot, R. & Van der Molen, P. 2000. Workshop on Capacity Building in Land Administration for Developing Countries. Final Report. ITC: Enchede, The Netherlands. 12-15 November 2000.
- Gundry, L. K. & Welsch, H. P. 2001. The ambitious entrepreneur: high growth strategies of women-owned enterprises. *Journal of Business Venturing* 16: 453-470.
- Gyapong, J. O. & Ofori-Adjei, D. 2010. *Capacity Building for Relevant Health Research in Developing Counties*. Accra, Ghana: Health Research Unit Ghana Health Service. Dalam free-books-online.net/Capacity-Building-for-Relevant-Health-Research-in-Developing-Counties.pdf.
- Harrison, R. T. & Mason, C. M. 2007. Does gender matter? women business angels and the supply of entrepreneurial finance. *Entrepreneurship Theory and Practice* 31(3): 445-472.
- Hutchison, P. & Lord, J. 2003. Individualised support and funding: building blocks for capacity building and inclusion. *Journal of Disability & Society* 18(1): 71-86.
- Jan T.L. Yap. 2009. Integrated Flood Management Open Network Conference & Training of Trainers was held in Jakarta, Indonesia. Cap-Net, World Bank, NUFFIC, CKNet-INA and AguaJaring. Dalam www.nahrim.gov.my/pdf/ToT.../Capacity%20Building%20Trends.pdf.
- Khaairuddin Khalil. 1996. *Keusahawanan Sebagai Kerjaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kourilsky, M. L. 1995. Entrepreneurship Education: Opportunity in Search of Curriculum. *Business Education Forum*. Kauffman Center for Entrepreneurial Leadership At the Ewing Marion Kauffman Foundation, Kansas City, MO. October 1995.
- Kuppusamy, J., Ganeshan, J. & Rosada, S. A. 2010. Leadership Styles and Management Techniques: An Analysis of Malaysian Women Entrepreneurs. *Journal of Communications of the IBIMA* 2010: ID 817881,10.
- Markovic, M. R. 2007. Women's Entrepreneurship, informal economy and SME development policies in Serbia Dalam www.ien.bg.ac.rs/download/08_women_entrepreneurship_mr.pdf
- Mustaq Ahmad, H. & Shazia Naimat. 2010. Networking and Women Entrepreneurs: Beyond Patriarchal Traditions. 8th. Globalics International Conference. Kuala Lumpur, Malaysia. 1-3 November.
- Narayan, S. N. & Geethakutty, P. S. 2003. Level of Entrepreneurial Success Among Women Entrepreneurs in Agribusiness. *Journal of Tropical Agriculture* 41: 41-44.
- Nijkamp, P. 2000. *Entrepreneurship in a modern network economy*. Research Memorandum. December. 2000-42.1-21.
- Norita, D., Armaurah, M., Shuhymee, A., Habshah, B., Mohamad Yusop, M. J., Mohd Khairuddin, H. 2007. *Keusahawanan*. Selangor: McGraw Hill (Malaysia) Sdn Bhd.
- OECD. 2004. Promoting Entrepreneurship and Innovative SMEs in A Global Economy: Towards A More Responsible and Inclusive Globalisation (Women Entrepreneurship: Issues and Policies). 2nd OECD Conference of Ministers Responsible for Small and Medium-Sized Enterprises (SMEs). Istanbul, Turkey (June).
- Olson, P.D. et.al. 2003. The impact of the family and the business on family business sustainability. *Journal of Business Venturing* 18: 639-666.
- Persaud-Kong, R. 2005. *Utility Regulatory Institutional Development and Capacity Building*. 2nd. OOCUR Workshop. Belize City, Belize: (21-22 March 2005).
- Schuftan, C. 1996. The community development dilemma: When are service delivery, capacity building, advocacy and social mobilization really empowering? *Community Development Journal* 31(3): 260-264.
- Shalini Sinha. 2005. *Developing Women Entrepreneurs In South Asia: Issues, Initiative and Experiences*. Bangkok: United Nation, UNESCAP.

- Teoh & Wendy M.Y. 2008. Improving Women Entrepreneurs in Small and Medium Enterprises in Malaysia: Policy Recommendations. *Communications of the IBIMA* 2. 33.
- Tulus Tambunan. 2009. Women entrepreneurship in Asian developing countries: Their development and main constraints. *Journal of Development and Agricultural Economics* 1(2): 27-40.
- UiTM Entrepreneurship Study Group. 2005. *Fundamentals of Entrepreneurship*. Selangor: Prentice Hall Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- UNESCO. 2006. Guide Book For Planning Education in Emergencies and Reconstruction. Chapter 3. Capacity Building. Paris: International Institute for Educational Planning.
- WED Capacity Building Guide. 2006. Women Entrepreneurship Development: Capacity Building Guide. Development Cooperation Ireland.
- Wiklund, J. & Shepherd, D. 2005. Entrepreneurial orientation and small business performance: a configurational approach. *Journal of Business Venturing* 20: 71-91.
- Williamson, I. P., Rajabifard, A. & Enemark, S. 2003. Capacity Building for SDIs. Proceedings of 16th United Nation Regional Cartographic Conference for Asia Pacific. July 14-18. Okinawa, Japan.
- Woodland, J. & Hind, J. 2002. Capacity Building Evaluation of Capacity Building Programs. Paper presented at the 2002 Australasian Evaluation Society International Conference. Wollongong Australia. October/November 2002.
- Nurfazreen Aina Muhamad Nasharudin
 Ma'rof Redzuan
 Abd. Razak Abd. Rahman
 Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan
 Fakulti Ekologi Manusia
 Universiti Putra Malaysia
 43400 Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
 e-mail: ereen87@yahoo.com